



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BILANGAN 1 TAHUN 2026

KUALA LUMPUR, 9 JUN 2026 – Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bilangan 1 Tahun 2026 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara serta 12 orang ahli majlis yang terdiri daripada tokoh-tokoh masyarakat pelbagai latar belakang.

Mesyuarat menjunjung kasih dan menyambut baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menegaskan bahawa Rukun Negara wajib dihayati oleh setiap rakyat Malaysia sebagai asas kepada kemakmuran negara, kestabilan politik serta keharmonian masyarakat majmuk.

Selaras dengan aspirasi pembinaan negara bangsa, ahli-ahli MPPN menegaskan bahawa usaha memperkukuh perpaduan nasional perlu terus diperkasa berteraskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Dasar Perpaduan Negara, khususnya dalam mendepani cabaran polarisasi sosial, penyebaran maklumat tidak sahih dan disrupsi digital yang semakin kompleks.

Bagi menyemai penghayatan Rukun Negara dan memperkukuh jati diri generasi muda sebagai pewaris negara bangsa, Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan pelbagai program strategik termasuk Gerak Integrasi Perpaduan, Jelajah Belia Rukun Negara, Pidato Rukun Negara dan Arkib@Sekolah.

Dalam mesyuarat tersebut, beberapa cadangan strategik telah dibentangkan dan dipersetujui untuk diberikan perhatian lanjut, antaranya:

1. Memperkukuh Perpaduan Nasional Dalam Era Polarisasi Sosial dan Disrupsi Digital

Mesyuarat menekankan keperluan mentransformasikan pendidikan perpaduan dan literasi sivik melalui pendekatan yang lebih aplikatif dan berimpak tinggi, termasuk pengintegrasian nilai Rukun Negara secara praktikal dalam kurikulum, pembelajaran berasaskan pengalaman serta program interaksi silang budaya di institusi pendidikan bagi membentuk identiti nasional yang lebih kukuh.

2. Pemerkasaan Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) di Institusi Pendidikan Tinggi

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai pelaksanaan empat modul baharu MPU iaitu Aspirasi Negara Bangsa (ANB), Citra Malaysia (CM), Falsafah dan Cabaran Semasa (FCS) serta Perlembagaan dan Masyarakat Berintegriti (PMB) yang akan dilaksanakan secara menyeluruh mulai sesi akademik 2026/2027 di semua institusi pengajian tinggi dan institusi latihan berkaitan. Pelaksanaan modul ini dijangka dapat melahirkan graduan yang lebih holistik, berintegriti, patriotik dan berdaya saing di peringkat global selaras dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035.

3. Pemerkasaan Pengurusan Isu Melalui Penubuhan Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA)

Mesyuarat juga mengambil maklum cadangan penubuhan Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA) sebagai platform integrasi nasional yang memperkukuh pengurusan isu-isu perpaduan secara lebih menyeluruh, proaktif dan berasaskan data. Penubuhan pusat ini akan mempertingkatkan kemampuan kerajaan dalam mengesan, menganalisis dan menyelaraskan tindakan terhadap isu-isu sensitif masyarakat melalui kerjasama strategik pelbagai agensi.

MPPN berpandangan bahawa perpaduan merupakan aset strategik negara yang perlu terus dipelihara dan diperkukuhkan secara berterusan melalui pendekatan yang inklusif, progresif dan berpaksikan nilai-nilai Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara. Komitmen berterusan semua pihak amat penting bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang aman, stabil, bersatu dan sejahtera.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

9 Jun 2026

KPN.100-9/1/16 (55)